



# Buletin P



**Menarik Di Dalam**

**21** PENGURUSAN NILAI YANG EFEKTIF BAGI PELAKSANAAN PROJEK KERAJAAN SECARA SISTEM PEROLEHAN REKA DAN BINA

**16** TEMUBUAL BERSAMA PENGARAH BPPK

# Coretan Ketua Editor

Dengan rasa syukur saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli sidang redaksi kerana dengan jayanya telah dapat menerbitkan Buletin PO Edisi yang ketiga ini. Dalam edisi kali ini, para pembaca dapat lebih mengikuti dan mendalami aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh setiap unit.

Saya berharap agar ahli penerbitan dapat memberi komitmen yang berterusan dalam menerbitkan buletin yang berinformasi dari masa ke semasa. **Input Yang Bermanfaat Dapat Menjadi Maklumat Yang Berguna Untuk Semua.**

Sekian dulu dari saya, meja ketua editor buletin kali ini.

**Ketua Editor,**  
Ir. Hamzah Bin Md Yusoff



## Isi Kandungan

**3** Perutusan  
Pengarah Kanan

**4-5** Temubual  
bersama  
Pengarah BPPK

**6-12** Unit

**13-16** Artikel  
SME 1 & 2

**17** Pencapaian PO  
Negeri

**18** PLL

**19** Mutiara  
Ilmu

**20** JAKSO

**21-22** Direktori

**24** Galeri

# Perutusan Pengarah Kanan



## Assalammualaikum

Syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja Bahagian Pengurusan Projek Kompleks, Cawangan Perancangan Aset Bersepadu amnya dan ahli sidang redaksi khususnya kerana telah berkerjasama dalam menerbitkan Buletin PO Edisi ketiga ini.

Usaha setiap unit di bawah Bahagian Pengurusan Projek Kompleks ini dalam memperkasa modul melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2017 telah menampakkan hasil dan mendapat respons yang baik dari responden-responden di dalam jabatan dan organisasi sendiri. Serta mendapat maklumbalas positif dari agensi-agensi luar yang berkaitan.

Diharap komitmen yang jitu ini akan sentiasa berterusan dari dalam dan luar jabatan serta bahagian. **Pencapaian Kerja Yang Cemerlang Boleh Dihasilkan Melalui Komunikasi Yang Berkesan Dikalangan Warga Kerja Yang Berintegriti.**

Pengarah Kanan,  
Ir. Ab. Hamid bin Hj. Md. Daud

**“Pencapaian Kerja Yang Cemerlang Boleh Dihasilkan Melalui Komunikasi Yang Berkesan Dikalangan Warga Kerja Yang Berintegriti.”**

## SENARAI NAMA AJK

### PENAUNG :

Ir. Ab. Hamid bin Hj. Md Daud

( Pengarah Kanan CPAB)

### KETUA EDITOR :

Ir. Hamzah bin Md Yusoff

### P.KETUA EDITOR :

En. Ahmad Zaki Bin Bahari

### SIDANG REDAKSI:

1. Ir. Norikhwan Bin Hj. Abu Seman
2. En. Izzuadi Bin Ishak
3. En. Shahrul Naam Bin Mohamed Ali
4. En. Muhammad Nazmi Bin Mat Na'ain
5. En. Wan Mohd Ashraf Bin Wan Abdullah
6. Pn. Nor Parzila Binti Abdul Ghaffar
7. Pn. Nur Hidayah Binti Mohammed Rusly
8. Pn. Sailah Binti Mohd Jamil
9. En. Mohamed Fikri Bin Mohamed Yunus
10. Pn. Safira Aiza Binti Ahmad
11. En. Mohd Ismade Bin Ismail
12. Hj. Aidi Bin Hj. Abu Kassim
13. Pn. 'Ainaa' Adilah Binti Zulkadri
14. Pn. Saidatul Hani Binti Suroh
15. En. Mohd Firdaus bin Mohd Wazir

**S1** Bolehkah tuan menceritakan serba sedikit latar belakang Kajian Gerbang Nilai?

Ia merupakan adaptasi dari hasil kajian pihak *Office Of Government Commerce*, (OGC) United Kingdom berkaitan penambahbaikan penyampaian projek utama.

Kajian Gerbang Nilai (OGC) ini diperolehi daripada Laporan tahun 1999 Perolehan Awam Gershon, yang ditubuhkan OGC



**S2** Bagaimana pula Kajian Gerbang Nilai mula dilaksanakan di JKR?

Gerbang Nilai pertama kali diperkenalkan sewaktu Rancangan Malaysia ke 10 (RMK-10). Pada masa itu hanya projek yang bernilai RM5 juta ke atas sahaja yang perlu melaksanakan Kajian Gerbang Nilai.

Kajian gerbang Nilai bertujuan membantu kerajaan memberikan nilai terbaik daripada perbelanjaannya (Value For Money).


Dengan adanya Kajian Gerbang Nilai, kita mesti mengkaji program dan projek serta membuat keputusan penting dalam kitaran hayat projek untuk memberi jaminan bahawa ia berdaya maju untuk mara ke peringkat seterusnya .

**S3** Secara ringkas bagaimana Tuan menerangkan konsep Kajian Gerbang Nilai yang dilaksanakan di JKR?

Ia merupakan satu metodologi jaminan projek - singkat, merangkumi kajian intensif di 4 titik utama kitaran hayat projek.

Kajian memberi tumpuan kepada isu-isu yang membantu menjayakan sesuatu projek. Ia bebas, pakar dan merupakan proses semakan yang setara.

**PERINGKAT GERBANG NILAI**



# Temubual Bersama Pengarah BPPK


En. Mohd Rahim bin Kawangit



**SURAT Arahan peLAKSANAAN GN UNTUK PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH TANGGUNGJAWAB JKR** projek bernilai > RM 500,000 melalui surat Jkr.kPKR: 121.010/05 Jld. 12 (1) bertarikh 24 Januari 2018



## GERBANG NILAI: PERINGKAT PERANCANGAN



**S4 Adakah pelaksanaan Kajian Gerbang Nilai ini satu kemestian di JKR?**

Bagi memastikan kejayaan keseluruhan projek yang dilaksanakan oleh JKR, kajian Gerbang Nilai **WAJIB** dilaksanakan kepada semua projek-projek yang melebihi RM500,000 selaras Surat Arahan KPKR.

**S5 Siapa sebenarnya yang terlibat dengan Kajian Gerbang Nilai ?**

Di JKR sebagai Pengurus Program, pihak HOPT memainkan peranan utama dalam Kajian Gerbang Nilai dari hari mula projek diterima sehinggalah kepada penyerahan projek. Selain itu, pemegang taruh lain (*stakeholder*) adalah Pejabat Program/ Projek, Pengurus Projek, dan juga Pasukan Penyemak Gerbang Nilai.

**S5 Bagaimana pula dengan kawalan dan pemantauan dari segi pematuhan dan SOP Kajian Gerbang Nilai di JKR?**


Gerbang Nilai telah pun diintegrasikan dalam SPB dan SKALA. Antara Prosedur Operasi yang terlibat ialah:-

- Prosedur Perancangan Pelaksanaan Projek [JKR.PK(O).01]
- Prosedur Rekabentuk [JKR.PK(O).02]
- Prosedur Pembinaan Dan Penyeliaan Tapak Bina [JKR.PK(O).04]
- Prosedur Penyerahan Dan Pos Penyerahan [JKR.PK(O).05]

**S5 Apa wawasan Tuan tentang Kajian Gerbang Nilai di JKR dan juga ‘way forward’?**

Memandangkan Pelan Transformasi Industri Pembinaan (CITP) turut menggariskan keperluan Kajian Gerbang Nilai, sebagai Agensi Teknikal terulung Negara, JKR akan terkedepan menjadi contoh dan pemimpin dalam pelaksanaannya.

Selain itu, ianya dapat membantu warga JKR secara langsung dan semua pemegang taruh (*stakeholder*) secara tidak langsung dalam pelaksanaan satu-satu projek. Adalah diharapkan Kajian Gerbang Nilai ini akan jadi satu pembudayaan dan bukanlah sekadar satu pematuhan semata-mata.



# Unit Pelaksanaan Dasar Pengurusan Program & Projek

## PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (PKP) JKR MALAYSIA

UPDPPP telah diberi kepercayaan dan dilantik sebagai urusetia PKP JKR Malaysia. Dimana PKP termasuk di dalam SSR Jabatan. Mesyuarat JK Pelaksana Bil.1/2017 telah diadakan pada 05.09.2017.

Urusetia telah menjemput Pegawai dari MAMPU untuk turut hadir dalam mesyuarat ini bagi memberi taklimat mengenai pembentukan PKP yang sebenar.

Tujuan penubuhan PKP ini adalah untuk mewujudkan kesinambungan tadbir urus jabatan sekiranya berlaku gangguan atau bencana. Perkhidmatan jabatan tidak akan terganggu dan berfungsi seperti sediaada.

Bil.	Mesyuarat	Tarikh	Tempat
1.	MPO 1/2017	16-17 Feb. 2017	CREaTE, Melaka
2.	MPO 2/2017	17-18 Apr. 2017	JKR Johor.
3.	MPO 3/2017	24-25 Julai 2017	Balai Cerap, Negeri Sembilan.
4.	MPO 4/2017	8 – 9 Okt. 2017	JKR Pulau Pinang



## CAWANGAN


- Enterprise Risk Management (ERM) CPAB.
- Pelan Bisnes CPAB.
- JK Pengurusan Prestasi Aktiviti (APMC) yang memantau OBB.
- Mesyuarat Ketua Unit (MKU) BPPK, CPAB.

## JABATAN

- Peneraju Tema 1- Kecemerlangan Penyampaian Projek.
- Peneraju Teras Strategik 2 Pelan Transformasi JKR 2016 – 2018
- Penubuhan Pasukan Projek Persekutuan (Negeri ), PPP(N).
- Enterprise Risk Management (ERM) Jabatan. (Tema 1)

# Unit Amalan Terbaik

• BENGKEL RISIKO • PENERANGAN GN • PENILAIAN PHC • AUDIT PENJADUALAN



# GERBANG NILAI

Gerbang Nilai pertama kali diperkenalkan di dalam Rancangan Malaysia ke 10 (RMK-10)

Melalui SAKPKR Bil 1/2018 Kajian Gerbang Nilai WAJIB dilaksanakan kepada semua projek-projek yang melebihi RM500,000.

## Pencapaian 2017



# Unit Sistem & Kompetensi Pengurusan Projek

## SEMINAR PENGURUSAN PROJEK 2017

Seminar Pengurusan Projek 2017 yang bertemakan “Towards Excellent Project Delivery” telah dirasmikan oleh Ybrs. Ir. Kamaluddin bin Hj. Abdul Rashid, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Binaan) pada 10 & 11hb Oktober 2017 bertempat di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid. Objektif seminar adalah untuk mewujudkan kesedaran amalan terbaik pengurusan projek melalui pendedahan amalan pengurusan projek yang terkini.



## BENGGEL PROGRAM PENSIJILAN PENGURUS PROJEK JKR SESI 2/2017

Seramai 30 pegawai terpilih untuk menyertai Program Sesi 2/2017. Bengkel Best Practise iaitu kursus wajib sebagai persediaan pegawai dalam program ini telah diadakan pada 18 hingga 20 Julai 2017 bertempat di Bilik Latihan Citrus, Menara PJD. Seramai seorang pegawai dicalonkan pada Tahap Pensijilan RPD, 17 orang pegawai pada Tahap Pensijilan RPM dan 12 orang pegawai pada Tahap Pensijilan QPP.



## BENGGEL PENYEDIAAN & PEMURNIAN MODUL BEST PRACTICE IN PROJECT MANAGEMENT

Bengkel Penyediaan & Pemurnian Modul Best Practice in Project Management telah diadakan pada 13 & 14hb Jun 2016 di Bilik Baiduri 6, Tingkat 2, Blok G. Tujuan bengkel diadakan bagi menyemak, menyedia dan memurnikan modul Best Practice in Project Management yang digunakan bagi memberi latihan kepada pegawai JKR berkenaan amalan terbaik dalam pengurusan projek.

## KURSUS KOMPETENSI PASUKAN PROJEK PERSEKUTUAN NEGERI JOHOR & PERLIS

Kursus Kompetensi PPP (Johor) telah diadakan pada 15 – 17hb Oktober 2017 dan PPP (Perlis) telah diadakan pada 23 – 25hb Oktober 2017. Objektif kursus tersebut diadakan adalah untuk meningkatkan kompetensi Pasukan Projek dalam menggunakan teknik dan prosedur dalam pelaksanaan projek khususnya dalam peringkat pembinaan, memberi kesedaran tentang isu-isu dan masalah yang berulang dalam laporan audit negara dan meningkatkan kefahaman dalam penggunaan SPB yang terkini.





# Unit Pengurusan Nilai

**AKTIVITI : MAKMAL PENGURUSAN NILAI**  
**TARIKH: JANUARI - NOVEMBER 2017**  
**TEMPAT: TINGKAT 18, UNIT PENGURUSAN NILAI**



**AKTIVITI: MESYUARAT TEKNIKAL BAGI PEMBANGUNAN  
PENGURUSAN NILAI KOMPETEN JKR**  
**TARIKH: 2 - 3 NOVEMBER 2017**  
**TEMPAT: CREATE, MELAKA**




**AKTIVITI: PROGRAM PEMBANGUNAN KOMPETENSI  
FASILITATOR VE JKR MALAYSIA-LIFE CYCLE COSTING  
(LCC)**  
**TARIKH:19 OKTOBER 2017**  
**TEMPAT: BILIK VITEX, TINGKAT 18, MENARA PJD**




**AKTIVITI: BENGKEL ECSS**  
**TARIKH:30-31 OKTOBER 2017**  
**TEMPAT: BILIK VITEX, TINGKAT 18, MENARA PJD**



**AKTIVITI: MESYUARAT PASCA LAB VE DAN LESSON  
LEARNT UNIT VM & ECKM**  
**TARIKH: 24 - 27 JULAI 2017**  
**TEMPAT: UTC, KUCHING, SARAWAK**



**AKTIVITI: PEMBENTANGAN KERTAS PERSIDANGAN  
KAKUSHIN 2017 THE6<sup>TH</sup> ASIAN SAVE INTERNATIONAL  
VE CONFERENCE IN CONJUNCTION WITH THE 50<sup>TH</sup>**  
**TARIKH: 24 - 25 OKTOBER 2017**  
**TEMPAT: ARCADIA ICHIGAYA, TOKYO, JEPUN**



**AKTIVITI: SAMBUTAN HARI LAHIR**  
**TARIKH: 17 NOVEMBER 2017**  
**TEMPAT: TINGKAT 18, UNIT PENGURUSAN NILAI**



# Unit Building Information Modelling

## PROGRAM PENSIJILAN AUTODESK CERTIFIED PROFESSIONAL



Seramai 14 kakitangan Unit BIM yang terdiri daripada disiplin Arkitek, Sivil, Struktur, Mekanikal dan Elektrik telah mendapat pensijilan Autodesk Certified Professional daripada Autodesk



### LAWATAN JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM) KE UNIT BIM : 21 DISEMBER 2017

Delegasi JUPEM yang diketuai oleh Pengarah JUPEM Selangor bersama Unit BIM yang diketuai oleh Pengarah BPPK bagi berkongsi maklumat berkenaan pelaksanaan BIM di peringkat nasional.

### BENGKEL PLUG-IN BAGI PERISIAN AUTODESK REVIT: 5-8 SEPTEMBER 2017

Objektif bengkel adalah bagi mengkaji plug-in yang bersesuaian dengan perisian BIM (Autodesk Revit, Naviswork & Civil 3D) untuk tujuan perolehan melalui peruntukan CITP



### MESYUARAT PEMURNIAN KIT PELAKSANAAN BIM BAGI PROJEK REKA DAN BINA : 20-21 JULAI 2017

Unit BIM sebagai urus setia telah menganjurkan Mesyuarat Pemurnian Kit Pelaksanaan BIM bagi projek reka dan bina yang turut dihadiri oleh hodt dan hopt yang terlibat



### PROGRAM LATIHAN BIM KEPADA PASUKAN PROJEK KHAS 1 BAGI PROJEK HOSPITAL PARIT BUNTAR, PERAK : 12-22 DISEMBER 2017

Unit BIM sebagai fasilitator kepada Pasukan Projek Khas 1 dalam melaksanakan projek ini secara BIM. Projek ini dilaksanakan secara kaedah konvensional dalaman dan merupakan projek pertama JKR yang dilaksanakan secara BIM

## INFO PROJEK BIM JKR



Hospital Parit Buntar, Perak (76 katil) dilaksanakan secara BIM Konvensional Dalaman dengan kos projek RM 136.7 juta kini dalam fasa pembinaan



Hospital Kemaman, Terengganu dilaksanakan secara BIM Reka dan Bina dengan kos projek RM 500 juta kini dalam fasa rekabentuk



Hospital Endokrin, Putrajaya dilaksanakan secara BIM Reka dan Bina dengan kos projek RM 415.2 juta kini dalam fasa pembinaan



Model BIM

Gambar Sebenar

Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, UTHM Batu Pahat dilaksanakan secara BIM Reka dan Bina dengan kos projek RM 45 juta dan telah siap dibina lebih awal daripada tarikh siap sebenar.

# Unit Pengurusan Prestasi Projek



## PROGRAM INTERVENSI PROJEK – PROJEK PERSEKUTUAN

Program Intervensi Bagi Projek-Projek Persekutuan Yang Dilaksanakan Oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) JKR Kelantan (29 - 30 Ogos 2017)

## MESYUARAT PSG

*Project Problem Solving Governance* ini adalah untuk menyelesaikan dengan segera projek-projek bermasalah yang dilaksanakan oleh JKR Malaysia



## MESYUARAT UPPP – PMO

Mesyuarat Unit Pengurusan Prestasi Projek (UPPP) Bersama Ketua CPAB Negeri / Wilayah Persekutuan Dan Ketua Pejabat Portfolio Cawangan / Pasukan Projek Khas



## PROGRAM PEMUTIHAN LAPORAN SKALA,

Siri 2(a) Perlis, Kedah, P.Pinang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan  
Siri 2(b) Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan WP Kuala Lumpur.



## PROGRAM PEMUTIHAN LAPORAN SKALA, Siri 1

Program ini telah diadakan pada 27 hingga 29 September 2017. Objektif program adalah untuk menambahbaik dan meningkatkan integriti data di dalam SKALA agar pemantauan projek dapat dilaksanakan dengan lebih tepat dan berkesan.

# Unit Enterprise Content & Knowledge Management

## PROGRAM PENSIJILAN PENGURUS PENGETAHUAN JKR

Program hasil kerjasama strategik di antara Unit Enterprise Content and Knowledge Management, Caw. Perancangan Aset Bersepadu, Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) dan International Knowledge Management Institute (KMI), Amerika Syarikat telah disertai oleh 10 orang pegawai JKR dan 3 orang pegawai dari Agensi Luar. Program ini merupakan salah satu usaha untuk membangunkan kompetensi dalam bidang pengurusan pengetahuan di kalangan pegawai JKR. Modul program melibatkan pembelajaran secara atas talian, pembelajaran di dalam kelas, peperiksaan serta projek individu.



Pelancaran Program Pensijilan Pengurus Pengetahuan JKR

## RAKAMAN VIDEO EXPERT TALK SERIES JKR

Dua (2) orang pakar JKR telah dijemput untuk berkongsi ilmu dalam program Expert Talk Series iaitu bersama Ir. Hj. Mohd Noor Azudin bin Hj. Mansor (Section D: Concrete Works) dan Sr. Amran bin Hj. Mohd Majid (Penilaian Tuntutan Akibat dari Lanjutan Masa). Rakaman video akan dimuatnaik di MOOC (Massive Open Online Course) JKR.



## PEMBANGUNAN MODUL e-LEARNING JKR 2017

Tiga (3) modul e-Learning iaitu Value Management in Public Projects, Reinforced Concrete : Workmanship Issues at Site During Construction dan Cara Merawat Jalan Rosak telah dibangunkan dan akan dimuatnaik ke laman E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA)

Sesi Functional Acceptance Test (FAT) di Insitut Tadbiran Awam Negara (INTAN) 28 November 2017



## BENKEL PROJECT LESSONS LEARNED

Sebanyak 7 bengkel PLL telah diadakan di JKR Ibu Pejabat dan JKR Negeri sepanjang tempoh Jun hingga Disember 2017.



## BENKEL KM ASSESSMENT

Bertujuan untuk mengenalpasti Knowledge Gap dan menyediakan pelan intervensi



## BENKEL COMMUNITIES OF PRACTICE (CoP) HEALTH CHECK

Diadakan untuk menilai status pelaksanaan CoP dan menyediakan perancangan aktiviti CoP



28-29 Ogos 2017 di CREaTE bersama CSFB, CKG, CSFJ dan CAST


20 – 21 Julai 2017 di JKR Port Dickson



# Pengurusan Nilai Yang Efektif Bagi Pelaksanaan Projek Kerajaan Secara Sistem Perolehan Reka dan Bina (R&B)

Artikel ini adalah terjemahan bagi sebahagian dari kertas penuh yang telah diterbitkan dan dibentangkan di Persidangan Antarabangsa 'Kakushin 2017' (Tokyo, Jepun) bertajuk 'Enhancing Value Transition Effectiveness within Design & Build (D&B) Procurement Route of the Malaysian Public Construction Projects' (ISSN 2189-0242)

Pengarang: Sr Rohanis Ab Ghani (CVM IVMM), UPN, CPAB, JKR Malaysia



## LATARBELAKANG

Strategi perolehan projek kerajaan merupakan suatu keputusan strategik bagi penyampaian dan peningkatan nilai di sepanjang kitar hayat projek, iaitu dari fasa strategik kepada fasa taktikal. Sistem Perolehan Reka dan Bina (R&B) merupakan salah satu opsi bagi strategi perolehan projek yang semakin menjadi pilihan pelanggan projek masakini, yang mana elemen perolehan 'rekabentuk' dan 'pembinaan' diintegrasikan di bawah tanggungjawab pihak kontraktor. Dengan integrasi dua elemen utama berkenaan, maka kaedah pemindahan nilai projek melalui Sistem Perolehan R&B adalah berbeza dengan Sistem Perolehan Konvensional. Oleh itu, pelaksanaan Pengurusan Nilai atau Value Management (VM) perlu disesuaikan dengan konteks Sistem Perolehan R&B yang mana pemindahan input nilai projek adalah kritikal kepada pihak pentender/kontraktor yang diserahkan tanggungjawab bagi merekabentuk dan membina projek berkenaan.

Bermula dari Rancangan Malaysia Ke-10, pelaksanaan Pengurusan Nilai adalah mandatori di dalam program dan projek kerajaan bernilai RM50 juta dan ke atas (UPE, 2009; UPE, 2015). Pelaksanaan VM di dalam projek yang ditentukan secara Sistem Perolehan R&B adalah tidak terkecuali, samada Kajian VM di peringkat perancangan strategik, atau di peringkat pelaksanaan mahupun operasi projek. Di sepanjang kitar hayat projek, intervensi Kajian VM di peringkat strategik ditermakan sebagai Value Assessment (VA), manakala terma Value Engineering (VE) di peringkat pelaksanaan projek dan Value Review (VR) di peringkat operasi projek siap (UPE, 2011). Namun intervensi Kajian VE (Kejuruteraan Nilai) yang paling viable di dalam konteks pelaksanaan projek secara R&B adalah 'Value Engineering on Request for Proposal' ('VE on RFP') (PROKOM, 2013). Didapati intervensi Kajian 'VE on RFP' ini adalah paling efektif dan efisien di dalam pemindahan nilai projek dari aspek input kehendak pelanggan dan teknikal serta keperluan lain, sebelum cadangan rekabentuk dibangunkan oleh pihak pentender/kontraktor. Intervensi ini tidak bercanggah dengan mana-mana prosedur perolehan projek kerajaan sediaada, malah ianya mampu meningkatkan prestasi keseluruhan penyampaian projek agar lebih cekap dan berkesan.

## KAJIAN 'VE ON RFP'


Kajian 'VE on RFP' adalah salah satu amalan terbaik antarabangsa bagi pelaksanaan projek secara R&B (DBIA, 2013). Intervensi ini dilaksanakan di peringkat Pra-Tender bagi projek secara R&B, dengan objektif untuk menyemak dan menambahbaik dokumen 'Request for Proposal' (RFP) atau dokumen Pra-Bida atau Pernyataan Kehendak. Tujuan utama kajian ini adalah untuk memastikan input adalah sesuai, selaras dan lengkap dimasukkan di dalam dokumen asas tender R&B, yang menjadi medium pemindahan nilai projek daripada pihak kerajaan kepada pihak kontraktor. Hasil dari Kajian 'VE on RFP' adalah cadangan input nilai projek yang perlu ditambahbaik atau dikemaskini di dalam dokumen asas tender berkenaan dan verifikasi Kos Projek yang dioptimumkan. Kebiasaannya, penambahbaikan input nilai berkenaan merangkumi aspek butiran skop, kehendak kualiti dan kefungsi,

kecekapan operasi, keperluan mudah selenggara dan kelestarian. Di samping itu, cadangan Kajian 'VE on RFP' turut melibatkan langkah penyelesaian isu berkaitan tapakbina atau pihak berkuasa tempatan dan lain-lain yang perlu diselesaikan oleh pihak kerajaan sebelum projek ditender. Kos Projek terkini turut dioptimumkan untuk tujuan verifikasi terhadap ketetapan kos melalui Kajian VA atau sebarang implikasi kos yang timbul dari cadangan Kajian VE.

## FAEDAH KAJIAN 'VE on RFP'

Berikut adalah faedah utama Kajian 'VE on RFP' yang telah dikenalpasti dari pelaksanaan projek secara R&B (Rohanis, IVMM 2017). Faedah yang disenaraikan telah dikaji secara soal selidik melibatkan lebih 40 responden di kalangan peserta Lab 'VE on RFP' dari 4 kementerian pelanggan yang berbeza. Analisis hasil soal selidik mendapati peratusan tinggi bagi responden yang telah memilih 'Setuju' dan 'Amat Bersetuju' terhadap semua faedah yang disenaraikan iaitu pada tahap 88% hingga 98% (Kakushin, 2017).

- Memperjelas, menyesuaikan dan menyelaras huraian atau pernyataan di dalam brif dan kandungan Pra Bida berkaitan definisi skop, kehendak pelanggan dan pengguna, keperluan kefungsan, maklumat perancangan tapak, konsep rekabentuk, kehendak dan piawai teknikal, syarat tender dan sebagainya, yang bertujuan meminimalkan kebarangkalian ketidakpatuhan dan tuntutan perubahan kerja oleh pihak kontraktor.
- Mengenalpasti, membincang dan menyelesaikan sebarang isu berkaitan projek sebelum ianya sedia ditender, berkaitan penjelasan butiran skop, perancangan tapak, konsep rekabentuk, teknikal pembinaan, kehendak pihak berkuasa, dan sebagainya.
- Mengenalpasti dan mengambil langkah mitigasi terhadap risiko yang boleh memberi impak terhadap nilai projek dan berkaitan dengan Pengurusan Risiko projek.
- Mengotimum dan menentusahkan peruntukan Kos Projek termasuk kos pembinaan dan lain-lain kos lain terlibat serta sebarang implikasi kos dari cadangan Kajian VE.
- Memuktamadkan kandungan dokumen asas tender ('RFP'/Pra Bida) secara kolektif dan melibatkan tanggungjawab bersama sebagai ahli pasukan projek.
- Memudahkan penilaian tender terhadap cadangan kontraktor, dengan menyediakan kriteria nilai yang jelas dan asas penilaian tender yang mantap.
- Meningkatkan komunikasi dan tindakan penyelesaian isu yang melibatkan semua stakeholders termasuk pelanggan, pengguna, pasukan projek dan pihak berkuasa.
- Meningkatkan kerjasama ahli dan prestasi kerja pasukan projek di peringkat perancangan tender bagi perolehan secara R&B.




## RUJUKAN:

- DBIA (2013) Manual of Practice for Value Engineering (VE) in Design-Build: A Value Management Approach, Design-Build Institute of America (DBIA)
- JKR (2016) Pelan Strategik JKR Tahun 2016-2020, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia
- PROKOM (2013) Value Engineering (VE) Application Guidelines for Public Projects, PROKOM, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, Kuala Lumpur
- Rohanis, IVMM (2017) 'VE on RFP' - A Non-Conventional Value Engineering (VE) Study for Value Delivery Enhancement within Design and Build (D&B) Project, Buletin Pertubuhan Pengurusan Nilai Malaysia (IVMM) Edisi 1/2017, Malaysia
- UPE (2009) Pekeliling Pelaksanaan Pengurusan Nilai (Value Management) Bilangan 3/2009, Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, Malaysia
- UPE (2011) Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai dalam Program dan Projek Kerajaan, Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, Malaysia
- UPE (2015) Penambahbaikan dalam Pelaksanaan Pengurusan Nilai dan Garispanduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Dalam Program/Projek Persekutuan, Unit Perancang Ekonomi (UPE) Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, Malaysia

# Meningkatkan Keberkesanan Latihan Melalui Pendekatan Pembelajaran Teradun

## EVOLUSI KAEDAH PEMBELAJARAN

Kaedah pembelajaran dan pengajaran sentiasa berkembang sebagai tindak balas langsung kepada perubahan yang berlaku di tempat kerja. Sebelum berlakunya revolusi perindustrian pada awal kurun ke 19, tukang-tukang muda memperoleh kemahiran dan pengetahuan masing-masing melalui teknik perantisan dan pembelajaran di tempat kerja bersama tukang-tukang yang mahir dan berpengalaman. Apabila gelombang revolusi perindustrian 3.0 yang bertunjangan kepada teknologi maklumat bermula sekitar lewat abad ke-20, kaedah latihan dan pembelajaran berasaskan komputer yang mula diperkenalkan pada tahun 1980-an membolehkan para pekerja menjalani latihan dengan menggunakan komputer masing-masing. Peranan dan bidang tugas pada era ini memerlukan para pekerja fleksibel dan terbuka bagi menyokong proses pembelajaran sepanjang hayat. Oleh yang demikian, kaedah latihan akan sentiasa berkembang untuk menyokong keperluan baru ini seiring dengan peredaran semasa.



Oleh : Sr Roznita bt Othman, CQS  
Pengaruh Kejuruteraan  
(Pakar Pengurusan Projek- Komunikasi)  
dan Sr. Dr. Khairil Hizar b Md Khuzaimah

## KAEDAH PEMBELAJARAN TRADISIONAL

Kursus yang berlandaskan kepada tenaga pengajar dan pendekatan penggunaan bilik darjah atau kuliah sebagai platform pembelajaran masih menjadi pilihan utama sejak dari dahulu lagi. Sekiranya kaedah pembelajaran ini dijalankan dengan betul dan tidak melibatkan bilangan peserta yang ramai, tenaga pengajar dapat meningkatkan keberkesanan sesi pembelajaran tersebut dengan mengadakan sesi perbincangan secara interaktif bagi membolehkan individu memahami dengan lebih mendalam subjek yang dipelajari. Teknik latihan berkumpulan, simulasi dan main peranan (role play) boleh diperkenalkan bagi membantu para pelajar merapatkan jurang antara teori dan amalan. Di samping itu, para pelajar juga akan memperoleh manfaat dengan mengenali antara satu dengan yang lain bagi meluaskan rangkaian professional.

Antara cabaran utama yang dihadapi melalui kaedah pembelajaran secara tradisional termasuklah kos operasi yang tinggi, hasil pembelajaran yang tidak jelas dan kurang ketangkasan (agility). Dengan mengambil kira perkembangan pesat teknologi yang menawarkan kaedah pembelajaran berasaskan teknologi digital, pendekatan pembelajaran tradisional boleh ditambahbaik dengan mengadukannya dengan pembelajaran secara maya.



## PENINGKATAN PEMBELAJARAN DIGITAL

Sejak tiga dekad yang lalu, evolusi pembelajaran secara maya atau digital mula berkembang dengan pesat. Peralihan kepada pembelajaran berasaskan digital memberi banyak kemudahan kepada individu untuk mengakses maklumat dan pengetahuan baru. Terma 'pembelajaran atas talian' atau 'e-Pembelajaran' merupakan satu perubahan inovatif kepada kaedah pembelajaran secara tradisional. Organisasi telah membuat pelaburan yang tinggi untuk melanggan kursus atas talian bagi membolehkan pekerja mereka memperoleh maklumat dan pengetahuan daripada sumber yang sahih dan diperakui.

Sehingga kini, Jabatan Kerja Raya Malaysia telah berjaya membangunkan sebanyak enam modul e-Pembelajaran. Ini merupakan sebahagian daripada inisiatif pengurusan pengetahuan yang mula dilaksanakan di JKR bermula tahun 2008. Modul-modul tersebut boleh diakses melalui portal EPSA, INTAN yang berfungsi sebagai platform e-Pembelajaran berasaskan kepada pembelajaran teknologi digital bagi kegunaan semua penjawat awam di seluruh negara. Keahlian portal adalah percuma dan boleh dilayari dengan menggunakan komputer dan peranti mudah alih. Dengan tiga lagi modul e-Pembelajaran yang akan siap dibangunkan pada tahun ini, pihak Jabatan amat komited bagi memastikan kaedah latihan dan pembelajaran dipermudahkan dengan memanfaatkan teknologi interaktif dalam mewujudkan pengalaman suasana pembelajaran yang kondusif seiring dengan falsafah pendidikan sepanjang hayat.

e-Pembelajaran menawarkan pelbagai faedah kepada organisasi dan para pekerja termasuklah penjimatan kos dan masa, pembelajaran sendiri dan pemantauan prestasi yang komprehensif. Namun demikian, keberkesanan e-Pembelajaran boleh terjejas disebabkan oleh isu-isu yang berkaitan dengan kekurangan dana untuk membangunkan modul, kebolegunaan, tahap motivasi pekerja yang rendah, komitmen pakar rujuk dan kekurangan kemahiran dalam membangunkan modul terutamanya dari aspek rekabentuk pengajaran.

Dalam melangkah ke hadapan, pihak INTAN selaku pihak yang mengawalselia sistem EPSA sentiasa berusaha keras bagi memastikan portal e-Pembelajaran tersebut digunakan secara meluas. Ini termasuklah pengenalan teknik gamifikasi bagi memupuk semangat berdaya saing yang positif di kalangan pengguna. Pengguna EPSA yang aktif berpeluang untuk mengumpul lencana berdasarkan kepada aktiviti mereka di dalam portal. Kandungan e-Pembelajaran direka bagi membolehkan pengguna dapat menyesuaikan gaya pembelajaran mereka bagi mendapatkan hasil pembelajaran yang lebih berkesan. Bagi menggalakan penglibatan aktif di kalangan pengguna, penggunaan EPSA boleh dijadikan sebagai satu kemestian di mana semua penjawat awam dikehendaki untuk mengikuti sekurang-kurangnya dua kursus dalam talian setahun.

## PEMBELAJARAN TERADUN

Pembelajaran teradun merupakan hasil gabungan kaedah pembelajaran secara tradisional dengan pembelajaran secara digital di mana kaedah dinamik ini akan menghasilkan teknik latihan hibrid yang baru bagi mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan. Pembelajaran teradun bukan sekadar melibatkan pembelajaran berasaskan komputer akan tetapi turut memperkenalkan perubahan yang penting kepada kaedah di mana tenaga pengajar dan para pekerja terlibat dalam proses pembelajaran. Bagi memastikan pembelajaran teradun berupaya menghasilkan pengalaman pembelajaran yang berkesan, penekanan perlu diberikan kepada kehendak spesifik organisasi dan para pekerja bagi menggabungkan kaedah latihan yang sepatutnya.

## KAEDAH PEMBELAJARAN TERADUN


Sebarang kaedah pembelajaran memerlukan gabungan tiga bahan utama iaitu kandungan, infrastruktur dan reka bentuk pengalaman. Bagi pembelajaran teradun, sebelum menghadiri kelas (pra-kursus), para pelajar boleh mengikuti latihan secara atas talian dengan menggunakan komputer atau peranti mudah alih di tempat kerja atau rumah masing-masing. Ini membolehkan masa yang diluangkan di bilik darjah nanti dapat digunakan sepenuhnya untuk sesi perbincangan interaktif dan simulasi kumpulan. Peranti digital boleh digunakan semasa sesi pembelajaran di bilik darjah untuk mendapatkan maklumbalas secara langsung termasuk penglibatan menyeluruh daripada para pelajar. Sebaik sahaja kursus tersebut telah selesai dilaksanakan (pasca kursus), tenaga pengajar boleh menghantar kandungan kursus yang spesifik. Para pelajar dapat berlatih dan seterusnya menerapkan apa yang telah dipelajari di kelas.

## RUMUSAN

Seiring dengan perkembangan teknologi semasa, aktiviti pembelajaran tidak lagi terhad di dalam bilik kuliah atau dilakukan secara tradisional semata-mata. Evolusi pembelajaran terkini telah melahirkan kaedah yang lebih kreatif dan inovatif dalam proses penyampaian ilmu. Pembelajaran teradun yang bertunjangkan teknologi maklumat menyediakan proses pembelajaran secara hibrid dengan keberhasilan gabungan kaedah pembelajaran yang pelbagai (bersemuka dan maya) bagi memenuhi gaya pembelajaran individu dalam persekitaran yang interaktif dan kondusif. Bercirikan fleksibiliti dan mobiliti, pembelajaran teradun yang merupakan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar (student-centered learning) mampu memaksimumkan pemahaman seseorang individu tentang sesuatu prinsip, teori dan pengetahuan.

Sumber: Enzmann, A. (2018). Blended Learning in Corporate Training. Gnowbe

# Carta Organisasi PMO CPAB Negeri Johor



## INSIATIF PO: SEMINAR LESSON LEARNED BAGI PROJEK PERINGKAT JKR JOHOR

25 September 2017  
9pg-5ptg  
Peserta: 70 orang

### Konsep:

- Pembentangan oleh 6 orang wakil dari pejabat seliatapak yang membentangkan Lesson Learnd dari 6 projek yang berbeza
- Sesi Q&A



## INSIATIF PO: PROGRAM LIBAT URUS CPAB KE DAERAH

JKR (D) MERSING  
17 MEI 2017

JKR (D) JOHOR BAHRU  
26 JULAI 2017

JKR (D) KOTA TINGGI  
28 OGOS 2017

JKR (D) KULAI  
8 NOVEMBER 2017

JKR (D) MUAR

Sesi Perkongsian Maklumat Berkaitan Pelaksanaan Amaan Terbaik Jkr Dan Sesi Soaljawab Berkaitan Pengurusan Awam

Peserta: Jurutera Dan Penolong Jurutera Awam

## INSIATIF PO: KURSUS KOMPETENSI PASUKAN PROJEK PERSEKUTUAN NEGERI JOHOR

15 - 17 Oktober 2017  
Peserta: 25 orang



## SASARAN PROJEK KPI 3 IN 1

Bil	Daerah	Nama Projek	Tarikh Milik Tapak	Tarikh Siap Asal	Tarikh Siap Sebenar	Kos Kontrak (RM)
1.	JOHOR BHARU	MENYIAPKAN KERJA-KERJA TERBENGKALI BAGI PEMBINAAN BANGUNAN 24 BILIK DARJAH BARU DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN KOTA MASAI 3, JOHOR BAHRU	24-10-2016	22-10-2017	22-10-2017	7,615,184.37
2.	BATU PAHAT	JALAN MUKIM 6 LINAU DAN MUKIM 7, TG. SEMBRONG, BATU PAHAT, JOHOR	03-09-2013	03-09-2015	22-02-2017	16,777,706.95

## PROGRAM PENILAIAN PASUKAN PROJEK PERSEKUTUAN



## PERLAKSANAAN PROGRAM DALAM MENINGKATKAN PRESTASI PROJEK

- Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Program Kerja
- Pelaksanaan Projek Health Check
- Bengkel Penyediaan Pengurusan Risiko Projek



# Project Lesson Learned



Berdasarkan beberapa siri bengkel Project Lesson Learned yang diadakan bersama pasukan projek, konsultan dan kontraktor, pembelajaran utama adalah seperti berikut :-

Perancangan projek perlu lebih awal –Tempoh projek perlulah realistik bagi memastikan projek dilaksanakan dengan lancar mengikut prosedur dan tatacara pembinaan

- b) Menubuhkan pasukan projek khas bagi tujuan memberi fokus kepada pelaksanaan projek sukan di negeri
- c) Mewujudkan pelan komunikasi yang efektif di semua peringkat supaya dapat menyegerakan penyelesaian isu teknikal

Lantikan daripada kontraktor dan konsultan tempatan adalah disyorkan agar lebih mudah untuk mendapatkan komitmen dan mengurangkan risiko logistik dan sumber.

## Pelaksanaan Projek Infrastruktur Kejohanan Sukan Malaysia XVII Perlis 2014

Pelaksanaan Projek Infrastruktur bagi kejohanan SUKMA 2014 di Perlis ini menelan belanja sebanyak RM76.17 juta. Pelaksanaan projek terbahagi kepada dua (2) iaitu pembinaan projek baru dan projek naiktaraf dan dilaksanakan oleh JKR Negeri Perlis dan JKR Ibu Pejabat bertindak sebagai penasihat.

Walaupun projek ini berjaya disiapkan pada masa yang ditetapkan, namun terdapat beberapa isu dan masalah yang dihadapi, antaranya; kekurangan kompetensi konsultan, tambahan skop kerja, perubahan keperluan infrastruktur stakeholder dan campur tangan luar.

## Cadangan Merekabentuk, Membina, Melengkapkan, Menyelenggara Dan Mentauliahkan Pusat Kecemerlangan Teknologi Nasional Malaysia, Lot Pt 2822, Mukim Taboh Naning, Daerah Alor Gajah, Melaka

Projek ini adalah projek Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan dilaksanakan secara kaedah BINA-PAJAK-SELENGGARA-PINDAH (Built Lease Maintain Transfer). Projek ini berjaya disiapkan awal 3 bulan dari tempoh yang ditetapkan.

Rumusan dari laporan projek adalah seperti berikut :-

- Penglibatan semua pihak (HOPT, HODT, Klien, Pelaksana) adalah sangat penting bagi memastikan tiada percanggahan dari segi skop kerja semasa tempoh pembinaan berjalan.
- Kesemua kakitangan yang terlibat dalam peringkat perancangan projek ini hendaklah dikekalkan dan terus terlibat aktif dalam kerja-kerja pembinaan projek agar ada kesinambungan kepada kelancaran projek.
- Pengurusan dokumen yang lengkap dan teratur supaya maklumat-maklumat projek yang penting dapat diurus dengan baik

\*Laporan penuh boleh dimuat naik melalui aplikasi JPedia berikut :- <http://jpedia.jkr.gov.my/index.php>



# سجله صحنه سبب

Apa itu penyakit 'Ain? Penyakit 'Ain secara istilah adalah penyakit yang disebabkan oleh pengaruh buruk pandangan mata, iaitu pandangan mata yang disertai rasa takjub atau bahkan iri dan dengki terhadap apa yang dilihatnya, dengan izin Allah menyebabkan pengaruh buruk 'ain walaupun orang tersebut tidak bermaksud menimpakan 'ain.

Jenis-jenis 'Ain

Ibnu Qoyyim rahimahullah mengatakan bahawa penyakit 'ain ada dua jenis: 'ain insi ('ain berunsur manusia) dan 'ain jinni ('ain berunsur jin).

Sunnah bagi orang yang memandang takjub terhadap sesuatu :

Dari Amir bin Robi'ah rodhiyallohu anhu :

مَا يَلْمَنُ مَوْأَيْبِقْتَنَ مَوْأَيْبِقَانِ مُمْكِنًا وَلَا إِذَا مَسَّوَيْبِقْتَهُ اللَّهُ وَأَصْلَهُ الْوُسْرِيَا نَيْطَانُ إِفْكٍ يُبْقِيهِ يُجْعَلُ حَدِيثًا

Rosullulloh shallallahu alaihi wa sallam bersabda, "Jika salah seorang dari kalian melihat sesuatu yang menakjubkan dari saudaranya, pada dirinya atau pada hartanya, maka doakan keberkahan padanya, karena sesungguhnya penyakit ain itu haq (benar)." (HR Ahmad).



**JANGAN**  
minum & makan

{	AYAM		}	TELUR	
	DAGING			DAGING	
	IKAN			SALAD	
	BUAH (cocktail)				
	CUKA				

**TIPS**  
MAKANAN  
KESIHATAN  
RASULULLAH

\*Tidur selama 1 jam selepas makan tengahari.  
\*Tidak makan buah setelah makan, sebaliknya makan buah terlebih dahulu.  
\*Jangan sesekali tinggalkan makan malam.  
Barang siapa yang tinggalkan makan malam dia akan dimakan usia dan kolestrol dalam badan akan bertambah.

Cara pemakanan Rasulullah S.A.W ini lebih dikenali sebagai 'diet ala Rasulullah S.A.W'.  
Insya Allah jika anda mengamalkan cara pemakanan seperti ini anda juga tidak akan menderita sakit perut, keracunan makanan mahupun pelbagai penyakit yang lain.  
**JOM HIDUPKAN SUNNAH RASULULLAH S.A.W DALAM KEHIDUPAN**



## CARI TAHU MAKSUD PERIBAHASA:

Ayam di kepuk mati kelaparan,  
itik di air mati kehausan

Sungguh kawat yang dibentuk,  
ikan ditebat yg diadang

Seberat-berat kayu  
terapung juga dalam air

‘لَمَلَمَلَهُ سَجَلٌ زَمَكٌ لَزِكْمٌ  
نُصْرَةٌ مَكَانٌ مَكَانٌ مَكَانٌ

# Jawatankuasa Kebajikan dan Sosial (JAKSO)

# MIND FREE DAY 2017

Anjuran :Jawantakuasa Kebajikan & Sosial (JAKSO)  
Tarikh : 14 Disember 2017  
Tempat : Tingkat 18, Ibu Pejabat JKR Premis Menara PJD


Program-program:

Senam-robik

Mind Games ( Cth: Game minda yang perlu diselesaikan dalam kumpulan)

Sukaneka ( Cth: Titian Kasih, Japanese Girl, Mengejar Impian, Musical Chair)

Majlis Penghargaan Bagi Staff Yang Berkahwin, Berpindah , Dapat Anak, Hari Lahir Dan Berpencen.



# Direktori PO 2018

## Bahagian Pengurusan Projek Kompleks

Pengarah Kanan CPAB Cawangan Perancangan Aset Bersepadu, Tingkat 28, Menara PJD, No. 50, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur	<b>Ir. Ab. Hamid bin Hj. Md. Daud</b> ☎ 03-2610 7002 ✉ abhamid.jkr@1govuc.gov.my
Pengarah BPPK	<b>Mohd Rahim bin Hj. Kawangit</b> ☎ 03-2618 7500 ✉ mrahim.jkr@1govuc.gov.my
Unit Pelaksanaan Dasar Dan Pengurusan Program Dan Projek (UPDPPP)	<b>Ir. Hamzah bin Md Yusoff</b> ☎ 03-2618 7601 ✉ myhamzah.jkr@1govuc.gov.my
Unit Pengurusan Prestasi Projek (UPPP)	<b>Hj. Roslan bin Abdul Ghani</b> ☎ 03-2618 7104 ✉ RoslanAG.jkr@1govuc.gov.my
Unit Amalan Terbaik Pengurusan Projek (UAT)	<b>Sr Dr Marina binti Musa</b> ☎ 03-2618 7638 ✉ MarinaM.jkr@1govuc.gov.my
Unit Sistem Dan Kompetensi Pengurusan Projek (USKPP)	<b>Johari bin Ahmad</b> ☎ 03-2618 7532 ✉ johariad.jkr@1govuc.gov.my
Unit Pengurusan Nilai (UPN)	<b>Zawidatul Asma bt Ghazali</b> ☎ 03-2618 7468 ✉ ZAWIDATUL.jkr@1govuc.gov.my
Unit Enterprise Knowledge Management (ECKM)	<b>Sr Roznita bt Othman</b> ☎ 03-2618 7604 ✉ ROZNITA.jkr@1govuc.gov.my
Unit Building Information Modelling (BIM)	<b>Muhammad Khairi b Sulaiman</b> ☎ 03-2618 7879 ✉ KHAIRI.jkr@1govuc.gov.my

## Negeri

JKR Perlis, Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis	<b>Ir. Abdur Rahman Azzam bin Che Sobry</b> ☎ 04-973 3356 ✉ azzamsobry.jkr@1govuc.gov.my
JKR Kedah, Tingkat 5, Bangunan Sultan Abdul Halim, Jalan Sultan Badlishah, 05582 Alor Setar, Kedah	<b>Hamidah bt Mat Rasid</b> ☎ 04-774 8110 ✉ HamidahMR.jkr@1govuc.gov.my
JKR Pulau Pinang, Jalan JKR Sungai Pinang, 11600 Georgetown, Pulau Pinang	<b>Zuraini Binti Zakaria</b> ☎ 04-390 5143 ✉ zurainiz.jkr@1govuc.gov.my
JKR Negeri Perak, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan	<b>Mohamad Salehuddin Othman</b> ☎ 05-245 4022 ✉ salehuddin.jkr@1govuc.gov.my
Unit P/O (Bah. Korporat), JKR Negeri Selangor, Seksyen 17, 40582 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.	<b>Rabiah binti Ab. Aziz</b> ☎ 03-5544 2257 ✉ rabiah.jkr@1govuc.gov.my
JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Blok D, Lot 8, Jalan Chan Sow Lin, 50528 Kuala Lumpur	<b>Roslina binti Ahmad</b> ☎ 03-9206 3275 ✉ roslinaahmad.jkr@1govuc.gov.my
JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya, Aras 3, Blok C7, Kompleks C, 62582 Putrajaya	<b>Hanafi bin Aminuddin</b> ☎ 03-8885 6892 ✉ HanafiAmin.jkr@1govuc.gov.my
JKR Wilayah Persekutuan Labuan, Peti Surat 87020, Jalan Kampung Jawa, 87008 Wilayah Persekutuan Labuan	<b>Zaidah bt Ibrahim</b> ☎ 087-414 040 ✉ Zaidahl.jkr@1govuc.gov.my
JKR Negeri Sembilan, Tingkat 2, Blok A, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abd. Kadir, 70990 Seremban, Negeri Sembilan	<b>Nor Halim bin Aludin</b> ☎ 06-765 9092 ✉ norhalim.jkr@1govuc.gov.my
JKR Negeri Melaka, Jalan Taming Sari, Peti Surat 961, 75906 Melaka	<b>Hj. Abdul Jalil bin Abdul Wahab</b> ☎ 06-2854756 ✉ AbduljalilAw.jkr@1govuc.gov.my
JKR Negeri Pahang, Tingkat 10-12, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25582 Kuantan, Pahang Darul Makmur	<b>Ir. Illias Bin Husain</b> ☎ 09-571 7160 ✉ illiash.jkr@1govuc.gov.my
JKR Negeri Johor, Tingkat 5, Bangunan C35, Kota Iskandar, 79582 Nusajaya, Johor Bahru	<b>Ir. A. Jalil bin Sazali</b> ☎ 07-266 7046 ✉ JalilS.jkr@1govuc.gov.my
Unit JKR KESEDAR, Jalan Chempaka Merah, 17500 Tanah Merah, Kelantan	<b>Mazlan bin Makhtar</b> ☎ 09-955 7057 ✉ mazlanmakhtar.jkr@1govuc.gov.my
JKR Negeri Kelantan, Jalan Kuala Krai, 15990 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim	<b>Wan Mohd Azhary bin Wan Mansor</b> ☎ 09-745 5820 ✉ wmazhary.jkr@1govuc.gov.my
JKR Negeri Terengganu, Tingkat 12, Wisma Negeri, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu	<b>Ir. Jasmi bin Ab Wahab</b> ☎ 09-627 4035 ✉ jasmiw.jkr@1govuc.gov.my

# Direktori PO 2018

## Cawangan

Cawangan Kerja Bangunan Am 1, Tingkat 13 - 17, Menara PJD, No 50, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur	<b>Zamri Bin Mohd Nor</b> ☎03-2618 7008 ✉ ZamriMN.jkr@1govuc.gov.my
Cawangan Kerja Bangunan Am 2, Tingkat 13 - 17, Menara PJD, No 50, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur	<b>Ir. Mat Najib bin Md Dawan</b> ☎03-2618 7236 ✉ matnajib.jkr@1govuc.gov.my
Cawangan Kerja Pendidikan, Tingkat 23, Maju Tower, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur	<b>Ir. Habibah bt Baba</b> ☎03-2616 9330 ✉ habibahb.jkr@1govuc.gov.my
Cawangan Kerja Keselamatan, Tingkat 20, Maju Tower, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur	<b>Abd.Gaffar bin Abu</b> ☎03-2698 4428 ✉ agaffar.jkr@1govuc.gov.my
Cawangan Kerja Kesihatan, Tingkat 17-23, Blok G, No.6, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur	<b>Mariam bt Ibrahim</b> ☎03-2618 9229 ✉ mariami.jkr@1govuc.gov.my
Cawangan Jalan, Tingkat 9, Blok F, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur	<b>Mohd Zawawi bin Ghazali</b> ☎03-2610 7830 ✉ ZawawiG.jkr@1govuc.gov.my
Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan, Tingkat 8, Blok F, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur	<b>Azahari Md. Nor</b> ☎03-2610 8516 ✉ azaharimn.jkr@1govuc.gov.my
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, Tingkat 14-18, Menara Tun Ismail Mohamed Ali, No. 25, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur	<b>Sr Nurfidatul Ema binti Saaidin</b> ☎03-2616 5385 ✉ nurfidatul.jkr@1govuc.gov.my
Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Tingkat 11-16, Blok G, No.6, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur	<b>Nooraini binti Ibrahim</b> ☎03-2618 9831 ✉ NoorainiB.jkr@1govuc.gov.my
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Tingkat 24-28, Blok G No. 6, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur	<b>Aishah binti Taha</b> ☎03-2618 9413 ✉ taishah.jkr@1govuc.gov.my
Cawangan Arkitek, Tingkat 10 - 13, Menara Tun Ismail Mohamed Ali, No. 25, Jalan Raja Laut, 50582 Kuala Lumpur	<b>Faizah Ibrahim</b> ☎03-2516 5048 ✉ AIZAH.jkr@1govuc.gov.my
Cawangan Kejuruteraan Awam & Struktur, Tingkat 10, Blok G, No.6, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur	<b>Ir. Zaleha Bt. Salehoddin</b> ☎03-2618 9148 ✉ Zaleha_ZS.jkr@1govuc.gov.my
Cawangan Kejuruteraan Geoteknik, Tingkat 26, Menara PJD, No. 50, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur	<b>Lim Keat Eng</b> ☎03-2618 4529 ✉ KELim.jkr@1govuc.gov.my
Cawangan Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga, Tingkat 22 & 23, Menara PJD, No. 50, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur	<b>Mohd Zainuddin bin Jaafar</b> ☎03-2618 7710 ✉ mdzainudin.jkr@1govuc.gov.my
Cawangan Kejuruteraan Cerun, Tingkat 12, Blok F, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur	<b>Datin Ir. Noriah Abu Bakar</b> ☎03-2610 7321 ✉ noriah.jkr@1govuc.gov.my
Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan, Tingkat 1, Blok F, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur	<b>Ir. Abu Harith Bin Shamsuddin</b> ☎03-2696 8210 ✉ HARITH.jkr@1govuc.gov.my
Pasukan Projek Khas 1, Tingkat 3, Menara PJD, No 50, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.	<b>Mohd Azmi bin Che Kob</b> ☎03-2618 7921 ✉ azmick.jkr@1govuc.gov.my
Pasukan Projek Khas 2, Tingkat 2, Blok F, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur	<b>Wan Norliss binti Ibrahim</b> ☎03-2610 7965 ✉ WNLiss.jkr@1govuc.gov.my
Pasukan Projek Sabah, Aras 4, Blok C, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Jalan UMS, 88450 Kota Kinabalu.	<b>Jaetty binti Ghanie</b> ☎088-484 809 ✉ jaetty.jkr@1govuc.gov.my





PORTAL INTERAKTIF//

# JCoP.CAFE

JABATAN KERJA RAYA

## Lawati Portal Soal dan Jawab - JCoP Café hari ini!

Adakah anda menghadapi kesukaran untuk mendapatkan maklumbalas mengenai persoalan yang anda hadapi selama ini?

Usah risau lagi, portal JCoP Café ada demi anda!

Portal JCoP Café menyediakan platform interaktif kepada anda untuk berinteraksi dengan warga JKR yang lain secara maya tanpa perlu meninggalkan tempat duduk anda. Terdapat lebih daripada 80 orang pakar rujuk yang bersedia untuk membantu menjawab soalan yang anda utarakan.

Di samping bertanya soalan, anda boleh membantu rakan maya anda yang lain dengan menjawab soalan yang terkandung di dalam Portal JCoP Café melalui perkongsian pengetahuan dan pengalaman yang anda miliki.


Melalui portal JCoP Café, anda berupaya untuk meluaskan jaringan kolaboratif dengan pengguna portal yang kini telah mencecah 3,055 pengguna berdaftar. Portal soal dan jawab ini dikunjungi oleh seramai 150 – 200 pengguna setiap hari. Malah, statistik terkini menunjukkan seramai di antara 70 – 90 pengguna mengunjungi portal JCoP Café pada hujung minggu!

Jangan tunggu lagi, lawati portal JCoP Café hari ini juga! Ianya mudah untuk digunakan dan boleh diakses melalui telefon pintar, tablet dan komputer.


Portal JCoP Café - <http://jcop.vms.my/qa/>



[Laman utama portal jcop cafe]



### STATISTIK JCoP.CAFE



**3,055** 5%  
pengguna berdaftar  
sekarang-kurangnya  
2,000 mata JCoP



## JOM SERTAI KOMUNITI JCoP CAFE JKR MALAYSIA!

Kunjungi Portal JCoP Cafe hari ini untuk bertanya soalan kepada pengguna dan pakar rujuk, menjawab soalan ataupun memberi komen...



INFO LANJUT



LAYARI JCoP.CAFE

# Galeri 2018

